Publication: Berita Harian, p 01

Date: 16 May 2017

Headline: Cyber security agency: Critical care S'pore not affected

## Agensi keselamatan siber: Khidmat kritikal S'pura tidak terjejas

NUR HUMAIRA SAJAT nhumaira@sph.com.sq

PERKHIDMATAN kritikal dalam penjagaan kesihatan, pengangkutan, telekomunikasi, kewangan dan runcit di Singapura tidak terjejas semalam, menurut Agensi Keselamatan Siber (CSA) Singapura, meskipun serangan siber penggodam global atau 'ransomeware' menje-jas lebih 100 negara seluruh dunia. Digelar 'WannaCry', ia mula menyerang mesin Microsoft Windows Jumaat lalu.

Pakar memberi amaran mungkin ada lebih banyak gangguan pada hari pertama minggu bekerja disebabkan penularan virus. Kata Encik Dan Yock Hau, pengarah Pusat Respons Kejadian Siber Nasional dalam satu

kenyataan lewat semalam:
"Sejauh tengahari ini, tiada infastruktur mak-

Ransomware' yang telah mengunci ratusan ribu komputer di lebih 150 negara disebarkan umumnya menerusi e-mel dan telah menjejas kilang, hospital, kedai dan sekolah serata dunia. Di ekonomi kedua terbesar dunia, China,

syarikat PetroChina berkata sistem bayaran di sesetengah stesen minyaknya telah menjadi mangsa serangan 'ransomware' meskipun syarikat itu telah berjaya memulihkan sebahagi-

an besar sistem yang terjejas.

Beberapa agensi pemerintah China, termasuk polis dan penguasa trafik, juga melaporkan

telah menjadi mangsa serangan tersebut. Di Singapura, sebuah syarikat yang mem-bekalkan papan tanda digital, MediaOnline, kelam kabut membetulkan sistem mereka se malam selepas kesilapan seorang teknisyen menyebabkan 12 kios terjejas di Tiong Bahru Plaza dan White Sands.

Meskipun kesan kepada sistem pemerintah dan perniagaan Asia tampak dapat dikekang se-malam, karyawan industri keselamatan siber berkata risikonya masih lagi tinggi dengan lebih banyak sistem mula aktif di rantau ini.

Tambahan, syarikat yang terjejas juga mung-kin mengambil keputusan tidak memaklumkan-

nya kepada orang ramai.

"Kami sedang meneliti profil mangsa kami dan melihat ramai dari rantau Asia Pasifik. Namun, pastinya ia satu kempen global dan tidak menyasarkan satu-satu pihak," kata Pengarah Ancaman Risikan, firma keselamatan siber Asia

Ancaman Riskan, irima kesetamatan siber Asia Pasifik, FireEye Inc, Encik Tim Wellsmore. "Saya rasa terlalu awal untuk mengatakan keadaannya tidak begitu buruk di rantau ini, berbanding rantau lain di dunia," tambahnya.

Sementara itu, Profesor Madya Gao Debin di Sekolah Sistem Informasi, Universiti Pengurusan Singapura (SMU) memberitahu Berita Harian (BH) bahawa kesambungan siber Singapura merupakan antara tertinggi di kebanya-kan negara, dan ini bermakna negara ini akan terus terdedah kepada serangan berpotensi se-

begini.
Encik Mohd Saifulamri Omar, pensyarah sekolah teknologi infokom di Politeknik Ngee Ann bersependapat.

"Sebagai satu negara, kita guna teknologi dan Internet untuk tingkat produktiviti... Opera-si harian yang bergantung kepada teknologi ji-ka terganggu berterusan akan menjejas produk-tiviti "tambahnya" riti," tambahnya. Encik Fadli Sidek, juruanalisis kecerdasan an-

caman siber di Control Risks (Singapura) turut berkata meskipun Singapura sudah lebih matang dalam domain siber dan keselamatan siber sudah dipertingkat, tetap ada ruang untuk diperbaiki bagi pengguna secara individu dan pertubuhan.

"Liputan tentang serangan siber terhadap Singapura baru-baru ini menunjukkan kita masih terus perlu mempertingkat perlindungan dalam domain ini," ujarnya.

> Asia tidak terkecuali diganggu virus siber WannaCry
> – Muka 4